

AL-QIYAS DAN KESANNYA TERHADAP HUKUM ISLAM

(AL-QIYAS AND ITS AFFECT IN THE ISLAMIC LAW)

Hazizan Mat Desa¹
Alias Azhar²

Abstrak

Makalah ini menghuraikan qiyas secara terperinci bagi memberikan penjelasan terhadap qiyas dari sudut teorinya dan aplikasi pemakaianya dalam masyarakat Islam. Qiyas adalah cara menyelesaikan pemasalahan hukum yang tidak diterangkan secara jelas dalil berkaitan sumber hukum Islam. Berbagai bentuk kes hukum yang terdapat dalam masyarakat Islam yang tidak jelas diterangkan dalam al-Quran atau Sunnah dapat diselesaikan melalui qiyas, sama ada dalam bentuk qiyas jaly atau qiyas khafi. Sesuatu qiyas tidak boleh melebihi teks dari sumber utama hukum Islam, kerana ia diambil dari teks yang sedia ada. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa qiyas merupakan salah satu sumber hukum yang diiktiraf oleh syarak.

Kata kunci : *Qiyas, Nas, Hukum, 'Ilat*

Abstract

This article elaborates in detail the qiyas to give a comprehensive explanation of qiyas, both theoretically and of the actual application of this qiyas in the Islamic Society . Qiyas is a solution to various cases which are not explicitly mentioned in religious texts. Various cases found in Islam society which are not obviously regulated in religious texts can be solved through qiyas, either in the form of strong qiyas or weak qiyas. An qiyas should not go beyond religious texts, because it is merely an extension of them. This finding is further reinforced which indicate the use of qiyas in the Islamic society.

Keywords : *Qiyas, Nas, Law, 'Ilat*

2015 GBSEJournal

Pendahuluan

Al-qiyas merupakan salah satu dari sumber hukum di dalam Islam. Ia merupakan sumber hukum yang ke empat selepas al-quran, al-sunnah dan Ijma'. Al-qiyas adalah sumber hukum yang tidak mempunyai nasnya daripada al-Quran dan al-Hadis iaitu dengan cara menetapkan

¹ Calon PhD di Universiti Utara Malaysia dan Pegawai Tadbir Kanan di Jabatan Agama Islam, Kedah. Emel: syeikhazizan@gmail.com (corresponding author)

² Profesor Madya, Pusat Pengajian Undang-Undang, Pusat Pengajian Undang-undang, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Emel: az.alias@uum.edu.my, Tel: +6049283018

hukum secara perbandingan dengan sesuatu yang ditetapkan hukum berdasarkan kepada nas. *Al-qiyas* sangat diperlukan pada masa kini berdasarkan kepada isu-isu semasa yang perlu diselesaikan.

Penjelasan *al-Qiyas*

Al-qiyas bermaksud menentukan hukum sesuatu dengan sesuatu yang lain. Ia juga dikatakan sebagai membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain, untuk mengetahui ukuran setiap sesuatu daripada yang satu lagi.

Al-qiyas sebagai satu istilah teknikal tidak dikenali pada zaman Nabi (Mohd Daud, 2000). Istilah *al-qiyas* dalam bentuk semi-teknikal pernah digunakan oleh Saidina Umar al-Khattab dalam suratnya kepada Gabenorinya di Basrah, Abu Musa al-Asyari. Manakala Abu Hanifah merupakan tokoh yang pertama menggunakan *al-qiyas* sebagai satu istilah yang memberi makna teknikal. *Al-qiyas* secara teknikal menunjukkan perpindahan hukum lama daripada kes asal kepada kes baru disebabkan kedua-dua mempunyai persamaan dari segi ‘*ilat*’. Kemudian penggunaan *al-qiyas* berkembang sebagai menyamakan antara dua benda, sama ada *hissiat* ataupun *maknawiat*. Contoh Penggunaan *hissiat* seperti dikatakan “saya mengukur kertas ini dengan kertas itu”. Manakala contoh penggunaan *Maknawiat* pula seperti dikatakan “ilmu si polan itu tidak boleh dibandingkan dengan ilmu si polan ini” (Zaydan, 1987).

Di sisi ulama usul, *al-qiyas* ialah mempersamakan hukum suatu perkara yang tidak ada nas tentangnya dengan hukum suatu perkara yang sudah ada nas kerana persamaan ‘*ilat*’ hukum antara kedua-duanya (Zaydan, 1993). Contohnya hukum berjual-beli ketika azan Jumaat diserukan adalah perbuatan yang dimakruhkan berdasarkan ayat *al-quran* seperti di dalam firman Allah dalam surah al-Jumu’at, 62: 9.

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); Yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat Yang sebenarnya).

Justeru ‘*ilat*’ hukum dimakruhkan berjual-beli pada waktu azan Jumaat ialah disebabkan perbuatan tersebut melalaikan sembahyang. Oleh yang demikian, jika ‘*ilat*’ ini wujud pada perbuatan-perbuatan lain ketika diserukan azan Jumaat seperti gadai-menggadai, meneruskan pekerjaan, mengadakan perjanjian jual beli dan sebagainya boleh *diqiyaskan* kepada hukum berjual beli sekiranya mempunyai ‘*ilat*’ yang serupa. Jika ‘*ilat*’ hukum antara perkara-perkara yang tidak ada nas itu serupa dengan ‘*ilat*’ hukum bagi berjual beli yang dinyatakan di dalam nas di atas, maka hukumnya sama iaitu makruh juga.

Rukun *al-Qiyas*

Al-qiyas perlu mempunyai empat rukun iaitu pertama, *al-maqais alaysh* melibatkan perkara asal yang telah dijelaskan ketentuan hukumnya di dalam nas dan menjadi tempat rujukan *al-qiyas* sebagai penyamaan akan sesuatu, kedua, *al-maqis* perkara yang *diqiyas* serta perkara baru yang tidak ada nas yang menjelaskan hukumnya dan memiliki seperti hukum asal

dengan cara menggunakan qiyas, ketiga, hukum asal yang telah dijelaskan oleh nas dan dimaksudkan untuk disamakan pada cabangnya, seperti halal atau haram dan keempat, ‘*ilat*’ iaitu alasan hukum yang berkaitan antara *al-maqis* dan *al-maqis alaysh* iaitu sebab yang ada di dalam asal dan dengannya hukum itu disyariatkan. Oleh itu dengan kewujudan ‘*ilat*’ dicabangnya, maka ‘*ilat*’ tersebut disamakan di asalnya supaya ia akan dihukum dengan hukum yang sama.

Kaitan di antara *qiyas* dan ‘*ilat*’ ini dapat ditemukan dalam takrif mengenai *qiyas*, iaitu penetapan hukum dalam *qiyas* adalah diakibatkan persamaan ‘*ilat*’ hukum di antara kedua-dua hukum nas dan persoalan baharu. Apabila hukum itu tidak ber‘*ilat*’, maka *qiyas* tidak boleh dilaksanakan (Nurul huda, 2002). Justeru itu, hukum yang berlaku untuk cabang dengan *qiyas* adalah hasil dari proses *qiyas* dan faedahnya.

Syarat-Syarat al-Qiyas

Pelaksanaan sesuatu proses *qiyas* itu tidak akan sah melainkan jika telah memenuhi syarat-syarat khusus. Di antara syarat-syarat khusus tersebut adalah yang berkaitan dengan asal dan juga yang berkaitan dengan rukun-rukun yang lain. Menurut al-Ghazali (1324 H) syarat-syarat *qiyas* seperti berikut.

Pertama : Syarat-syarat hukum asal

(1) Hukum asal harus hukum syar’iy yang bersifat amaliyah yang berlaku dengan nas dari al-quran atau sunnah. Adapun jika hukum asli itu berlaku dengan ijma’, maka sebahagian ulama usul mengatakan bahawa tidak sah *qiyas* dalam keadaan tersebut, ini adalah kerana *qiyas* berlaku dengan mengetahui hukum ‘*ilat*’ iaitu dengan kewujudan ‘*ilat*’ di cabang maka disamakan dengan yang asli pada hukumnya, dan ini tidak terjadi pada sesuatu hukumnya dengan ijma’. Kerana memang ijma’ tidak disyaratkan padanya penyebutan sandarannya. Dengan tidak disebutkan sandarannya, maka tidak diketahui ‘*ilat*’ hukum sehingga tidak memungkinkan terjadinya *qiyas*.

Manakala sebahagian ulama berkata bahawa sah berlakunya hukum pada cabang dengan *qiyas*, meskipun hukumnya berlaku dengan ijma’. Hal ini disebabkan kerana mengetahui ‘*ilat*’ hukum memiliki pelbagai metod, di antaranya adalah kesesuaian antara asal dan hukumnya.

(2) Hukum asal tersebut harus difahami maknanya seperti berdasarkan kepada ‘*ilat*’ yang boleh difahami dan diketahui akal. Ini adalah kerana dasar *qiyas* ialah mengetahui ‘*ilat*’ hukum dan mengenali kewujudannya di cabang sehingga dengan demikian boleh berlakunya hukum asal dicabang kerana keduanya memiliki ‘*ilat*’ yang sama. Namun jika akal tidak boleh memahami ‘*ilat*’, maka *qiyas* pun tidak boleh dilakukan. Justeru itu, para ulama berkata, tidak berlaku *qiyas* pada hukum hakam yang bersifat ibadah, iaitu hukum hakam yang ‘*ilatnya*’ hanya diketahui oleh Allah SWT saja. Contohnya seperti jumlah rakaat-rakaat solat, jumlah tawaf di kaa’bah sebanyak tujuh putaran, jumlah sai’ di antara safa dan marwah dan lain-lainnya.

Manakala jika hukum asal boleh difahami maknanya, iaitu yang didirikan atas ‘*ilat*’ yang mungkin boleh difahami akal mengenalinya, maka *qiyas* sah dalam keadaan seperti ini. Contohnya hukum diharamkan meminum arak, dan hukum dibolehkan memakan bangkai di waktu darurat seperti firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, 5: 3.

Maksudnya: Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang Yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang Yang disembelih kerana Yang lain dari Allah, dan Yang mati tercekik, dan Yang mati dipukul, dan Yang mati jatuh dari tempat Yang tinggi, dan Yang mati ditanduk, dan Yang mati dimakan binatang buas, kecuali Yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan Yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib Dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari ugama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu. maka sesiapa Yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda Yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.

(3) Hendaknya hukum asal tersebut memiliki '*ilat*' yang mungkin berlaku dicabang. Jika '*ilat*' tersebut hanya terbatas pada asal saja dan tidak mungkin boleh berlaku di selainnya maka qiyas tidak berlaku. Ini disebabkan kerana qiyas mengharuskan adanya penggabungan antara cabang dan asal dalam '*ilat*' hukumnya. Apabila '*ilat*' hukum tidak boleh dibayangkan kewujudannya di selain asal, maka tentunya tidak boleh dibayangkan juga kewujudan gabungan keduanya (asal dan cabang) pada '*ilat*'. Jika seperti itu, maka tidak mungkin qiyas berlaku, seperti mengqashar solat dalam perjalanan, atau bolehnya tidak berpuasa atau berbuka di waktu perjalanan. Dan '*ilat*' pada keduanya adalah perjalanan, sedangkan tujuannya adalah menghilangkan kesulitan. Akan tetapi '*ilat*' tersebut, iaitu perjalanan tidak terwujud bagi yang tidak melakukan perjalanan. Dengan yang demikian, tidak mungkin untuk diqiyaskan padanya orang yang melakukan pelbagai pekerjaan berat dan yang menyusahkan.

(4) Hukum asli hendaknya tidak khusus padanya, kerana kekhususannya dapat mencegah berlakunya pada cabang. Jika berlakunya pada cabang tidak terjadi, maka qiyas pun tidak boleh berlaku. Kerana qiyas dalam keadaan seperti ini bertentangan dengan dalil yang menunjukkan kepada kekhususan asal dengan hukum tersebut. Dan qiyas yang bertentangan dalil adalah qiyas yang batil. Contohnya kekhususan Rasuullah s.a.w. menikahi lebih dari empat perempuan dan diharamkan menikahi isteri Baginda selepas kewafatannya. Dengan itu tidak boleh diqiyaskan padanya selain Rasulullah s.a.w. dalam hukumnya yang haram dan yang boleh tersebut.

Kedua : syarat-syarat cabang

(1) Hendaknya cabang tidak ditetapkan hukumnya oleh nas, kerana qiyas kembali padanya jika tidak ditemukan nas dalam masalah. Dan yang menjadi ketetapan di kalangan ulama Usul, adalah tidak berlaku ijtihad ketika ada nas. Jika ada nas, maka tidak ada makna qiyas. Jadi pendapat pihak yang menyatakan bahawa pemerdekaan budak yang tidak beriman tidak sah dalam kafarat sumpah kerana diqiyaskan kepada kafarat pembunuhan kerana kesalahan, qiyas yang tidak sah seperti yang disebut di dalam firman Allah SWT dalam surah an-Nisa, 4: 92.

Maksudnya: Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin Yang lain, kecuali Dengan tidak sengaja. dan sesiapa Yang membunuh seorang mukmin Dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kaffarah) Dengan memerdekaan seorang hamba Yang beriman serta membayar "diah" (denda ganti nyawa) Yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya). tetapi jika ia (yang terbunuh Dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) Yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kaffarah sahaja dengan) memerdekaan seorang hamba Yang beriman. dan jika ia (orang Yang terbunuh Dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) Yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu Dengan mereka, maka wajiblah membayar "diah" (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekaan seorang hamba Yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa Yang tidak dapat (mencari hamba Yang akan dimerdekaannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut; (Hukum Yang tersebut) datangnya dari Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Alasannya adalah kerana bertentangan dengan nas yang datang menyebutkan tentang kafarat sumpah iaitu firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, 5: 89.

Maksudnya: Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu Yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya Dengan sebab sumpah Yang sengaja kamu buat Dengan bersungguh-sungguh. maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan Yang sederhana Yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekaan seorang hamba. kemudian sesiapa Yang tidak dapat (menunaikan denda Yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. dan jagalah - peliharalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (hukum-hukum ugamanya) supaya kamu bersyukur.

Perkataan *Raqabatin* (budak) di dalam ayat ini bersifat mutlak atau tidak terikat dengan sifat keimanan. Oleh itu, tidak boleh kata tersebut diikat dengan sifat keimanan dengan mengqiyaskan kepada kafarat pembunuhan kerana tersalah.

(2) Hendaknya '*ilat* asal ada ditemukan di cabang, kerana syarat berlakunya hukum pada cabang adalah berlakunya '*ilat* pada cabang itu sendiri. Oleh yang demikian sepatutnya '*ilat* yang berada di cabang adalah '*ilat* yang ada di asal yang memang menjadi landasan hukum. Kerana cabang jika tidak menyamai asal dalam hal '*ilat*, maka penyamaan dalam hukum juga tidak boleh dilakukan. Alasannya, kerana penyamaan tersebut iaitu berlakunya hukum dari asal ke cabang berlandaskan kepada dasar persamaan atau kesesuaian di antara keduanya dalam hal '*ilat*. Jika tidak sama '*ilatnya* maka tidak boleh disamakan hukum pada keduanya. Ketiga: syarat-syarat '*ilat*

Hakikatnya seluruh syariat Islam tidak disyariatkan dengan sia-sia, jadi keseluruhan hukum yang disyariatkan adalah untuk kepentingan dan kemaslahatan seluruh hamba. Maslahat yang dimaksudkan ini adalah yang dapat membawa manfaat bagi mereka dan menjauhkan bahaya dari mereka atau menghilangkan kesulitan dari mereka. Jadi maslahat adalah faktor utama yang mendorong diturunkan syariat, sama ada perintah, larangan dan sebagainya. Wujudnya maslahat di dalam sesuatu hukum itu adalah bergantung kepada '*ilat* hukum yang diperolehi.

'ilat hukum ialah keterangan zahir yang stabil yang menjadi landasan sesuatu hukum. Syarat-syarat 'ilat adalah seperti berikut:

(1) 'ilat menjadi keterangan yang zahir

Zahirnya 'ilat adalah kemungkinan kewujudan 'ilat boleh dipastikan berada di asal dan di cabang. Ini disebabkan kerana 'ilat termasuk tanda hukum dan pengenalnya. Ertinya dengan kewujudan 'ilat di cabang maka hukum cabang sama dengan hukum asal. Namun jika 'ilat bersifat samar-samar atau tersembunyi sehingga tidak boleh dikenalpasti panca indera, maka kewujudannya tidak boleh menunjukkan kepada hukum. Maka sudah sepatutnya 'ilat tersebut menjadi 'ilat zahir bukan yang tersembunyi. Contohnya saling redha meredhai di dalam urusan jual beli, kerana saling redha merupakan dasar perpindahan pemilikan, 'ilatnya adalah perkara yang tersembunyi yang berkaitan dengan hati di mana tidak boleh mengetahuinya sehingga tidak boleh dijadikan sebagai 'ilat. Justeru Allah SWT menjadikan perkara zahir sebagai pengantinya, iaitu sighah akad.

(2) 'ilat menjadi keterangan yang akurat

Yang dimaksudkan adalah keterangan tersebut memiliki batasan atau memiliki hakikat tertentu yang terbatas dan tidak berbeza dengan perbezaan orang serta keadaan, atau memiliki perbezaan yang sedikit dan tidak terpengaruh. Contohnya unsur memabukkan adalah 'ilat diharamkannya arak, dan memiliki hakikat tertentu yang terbatas, iaitu merosak akal. Hakikat ini berlaku kerana zat arak itu sendiri, dan tidak penting soal kewujudan seseorang yang tidak mabuk . Dan sifat memabukkan tersebut memungkinkan terwujud di setiap peraman anggur yang memabukkan, dan kewujudan peraman-peraman anggur yang memiliki perbezaan dari tinggi lemahnya unsur yang memabukannya, sama sekali tidak penting. Kerana ini disebabkan perbezaan yang ringan yang tidak memberikan pengaruh terhadap hakikat memabukkan dan kewujudannya.

(3) 'ilat menjadi keterangan yang sesuai dengan hukum

Maksudnya kesesuaian keterangan atau 'ilat dengan hukum adalah diikatkannya hukum dengannya sebagai tempat terwujudnya hikmah hukum. Ertinya maslahat yang dikehendaki Allah SWT dengan memperlakukan hukum boleh terwujud dengan mengikatnya dengan keterangan tersebut. Contohnya pembunuhan sengaja merupakan keterangan yang sesuai dengan diikatkan *qisas* dengannya atau dengan diharamkannya si pembunuhan dari harta warisan jika yang dibunuhnya adalah si pemberi harta warisan. Kerana tujuan dari pengikatan tersebut adalah mewujudkan hikmah dari berlakunya hukum, iaitu mencegah diri dari permusuhan dan melindungi diri manusia dari kebinasaan.

(4) 'ilat menjadi keterangan yang melampaui batas

Maksudnya adalah keterangan tersebut tidak hanya terbatas pada asal saja, kerana dasar qiyas adalah keikutsertaan cabang dengan asal dalam hal 'ilat hukum. Dengan penyamaan tersebut maka memungkinkan hukum asal diberlakukan pada cabang. Jika 'ilatnya hanya berlaku pada asal saja dan tidak berlaku pada selainnya, maka qiyas sama sekali tidak ada kerana tidak ada 'ilatnya pada cabang. Contohnya seperti perjalanan sebagai 'ilat yang dibolehkan untuk berbuka puasa atau tidak berpuasa bagi yang melakukan perjalanan atau sakit, 'ilat ini tidak ditemukan kecuali pada orang yang melakukan perjalanan atau sakit. Jadi 'ilat tersebut hanya terbatas pada keduanya saja dan tidak menyebar kepada yang lainnya.

(5) *'ilat* termasuk dari keterangan-keterangan yang mana Allah SWT tidak meniadakan keberadaannya.

Maksudnya, dalil syar'iy tidak meniadakan keterangan tersebut. Keterangan yang tertentu boleh menjadi keterangan yang sesuai untuk hukum tertentu, akan tetapi pada kenyataannya hal itu bertentangan dengan nas dan berlawanan dengan dalil syar'iy, dengan begitu keterangan tersebut tidak diperhitungkan dan tidak memiliki kesesuaian terhadap hukum. Kerana yang menentang dalil adalah batil. Contohnya , sikap yang membenarkan kesamaan lelaki dan perempuan sebagai anak dianggap sebagai keterangan yang sesuai di antara keduanya. Ini dianggap melawan nas kerana Allah SWT telah meniadakan kesesuaian keterangan tersebut untuk hukum yang disebutkan, dengan dalil firman Allah SWT dalam surah an-Nisa, 4:11.

Maksudnya: Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, Iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati. dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (sepahruh) harta itu. dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang Yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat Yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya Yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti Yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Jenis-jenis *al-Qiyas*

Al-qiyas boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian :

(1) *Qiyas al-tard* : ialah perbandingan satu kes (kes asal) kepada kes lain (kes baru) untuk mendapatkan hukum bagi kes baru kerana persamaan *'ilat* . Apabila kes baru mempunyai *'ilat* yang serupa dengan *'ilat* hukum kes lama (sama ada merujuk kepada *al-quran*, *al-sunnah* dan *al-ijma'*) maka hukum kes lama dipindahkan kepada kes baru (Al-Amidi, 1980). Contohnya, arak hukumnya haram berdasarkan hadith nabi yang dijadikan kaedah dalam fiqh “ setiap perkara yang memabukkan adalah haram” . *'ilat* bagi pengharaman arak tersebut ialah sifat memabukkan. Maka apa juga benda lain yang mempunyai *'ilat* memabukkan dihukumkan haram juga.

(2) *Qiyas al-Aks* : iaitu memindahkan hukum yang bertentangan dengan hukum kes asal kepada kes baru yang dicarikan hukumnya. Ini bermakna *qiyas al-aks* adalah suatu pemikiran logik di mana hukum yang bertentangan dengan hukum asal akan di aplikasikan kepada kes baru kerana *'ilat* kedua-duanya bertentangan (Mohd Daud, 2002). Contohnya dalam kontrak *mudarabat* , pihak pengusaha (*mudarib*) tidak boleh menyimpan semua keuntungan untuk dirinya tanpa membahagikan kepada para pelabur (*rabb al-mal*). Pihak pengusaha wajib

memulangkan semua modal yang disediakan oleh pihak pelabur dan mengambil sebahagian keuntungan sahaja sebagaimana yang dipersetujui bersama. Pengusaha juga tidak boleh menggunakan bahagian keuntungan pelabur untuk pelabur semula. Oleh kerana tindakan ini boleh memberi pulangan yang tidak seimbangan kepada kedua-dua pihak dalam kontrak *mudarabat*, maka seseorang pengusaha itu tidak boleh menahan atau mengambil semua keuntungan dalam *mudarabat* yanmg sepatutnya diserahkan kepada pihak pelabur (Mohd Daud, 2002).

(3) *Qiyas al-Awla*: iaitu memindahkan hukum daripada kes khusus kepada kes-kes yang lebih umum yang jelas hukumnya. *'ilat* dalam hukum kes asal menjadi semakin terserlah dalam aplikasi kes baru (Mohd Daud, 2000). Contohnya seperti dalam firman Allah SWT dalam surah al-Isra, 17:23.

Maksudnya: Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya Engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah Engkau berbuat baik kepada ibu bapa. jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua Dalam jagaan dan peliharaanMu, maka janganlah Engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah Engkau menengking menyergah mereka, tetapi Katakanlah kepada mereka perkataan Yang mulia (yang bersopan santun).

Mengikut kaedah *qiyas al-Awla* , jika mengatakan “uff pun dilarang , maka lebih-lebih lagi melakukan tindakan-tindakan yang lebih kasar seperti memukul, mendera , membunuh dan sebagainya.

(4) *Qiyas al-adna* : iaitu memindahkan hukum yang lebih umum kepada yang lebih khusus. Contohnya sekiranya Allah membenarkan orang Islam membunuh tentera-tentera kafir dalam peperangan, maka secara *qiyas al-adna*, perbuatan yang lebih rendah daripada membunuh seperti merampas harta tentera bukan Islam adalah diharuskan (al-Syafiee, 1940).

(5) *Qiyas al-Syabat*: iaitu *qiyas* yang tidak memerlukan *'ilat*, sebaliknya hanya memerlukan kepada persamaan yang umum antara kes lama dengan kes baru (al-syafie, 1940). Contohnya seperti jihad yang dilakukan oleh Ibnu Taimiyah dalam kes menyewa kebun buah-buahan (kontrak *daman*). Syria pada masa itu dipenuhi dengan kegiatan pertanian yang melibatkan ladang bersaiz besar. Ibn Taimiyah telah membenarkan amalan ini yang berkembang pesat dengan hujjah, antara lainnya, berdasarkan *qiyas al-syabat* di mana beliau telah membandingkan kontrak sewa ladang buah-buahan dengan kontrak menyewa tanah yang dibenarkan dan kontrak menjual buah-buahan yang belum masak yang tidak dibenarkan oleh syariat. Beliau menyebutkan terdapat antara menyewa ladang dengan menyewa tanah kerana pihak yang menyewa sama ada ladang atau tanah mengurus sendiri pokok buah-buahan atau tanaman. Ini berbeza dengan larangan menjual buah yang belum masak kerana pembeli tidak menguruskan tanaman tersebut daripada masa kontrak sehingga masa buah-buahan masak. Persamaan antara menyewa tanah dengan menyewa ladang buah-buahan adalah mencakupi memindahkan hukum sewa tanah kepada kes menyewa ladang buah-buahan (Mohd Daud, 2002).

(6) *Qiyas al-munasabat* : iaitu *qiyas* yang berdasarkan kepada pertimbangan maslahat manusia dan masyarakat. Contohnya juga dalam kes *daman* yang diperakui oleh Ibnu Taymiyah. Beliau mengambil contoh yang dilakukan oleh Rasul Allah s.a.w. sebagai hujah membenarkan amalan tersebut. Katanya Rasul Allah s.a.w. telah mengizinkan penjualan kurma basah di atas pokok dengan kurma kering dengan kadar timbangan yang sama.

Walaupun keizinan ini adalah sebagai pengecualian kepada prinsip umum yang melarang jualan gharar dalam undang-undang komersial Islam, ianya tidak menjadi halangan untuk digunakan penghujahan yang sama dalam kes kontrak *daman*. Malah menurut Ibnu Taimiyah ,kepentingan dan maslahat manusia melalui kontrak *daman* lebih penting daripada pengharaman jualan gharar (Mohd Daud, 2002).

(7) *Qiyas al-istiqra* : iaitu *qiyas* yang dicapai melalui proses induksi. ‘*ilat* dalam *qiyas* jenis ini terbentuk melalui pengamatan kepada beberapa kes spesifik yang kemudiannya dirumuskan menjadi satu sifat tertentu (Mohd Daud, 2002). Contohnya ialah kes pengharaman riba *al-fadl* dan riba *al-nasiah* khususnya berkaitan dengan empat komoditi yang disebut di dalam hadith Ubudah Ibnu al-Samit iaitu : “(pertukaran) emas dengan emas , perak dengan perak, kurma dengan kurma , gandum dengan gandum , barli dengan barli dan garam dengan garam (mestalah dilakukan) secara segera dan dengan kadar yang sama”, para ulama fiqh telah merumuskan bahawa sebab berlakunya riba dalam pertukaran barang-barang di atas bukanlah kerana barang-barang tersebut secara sendiri tetapi disebabkan oleh ‘*ilat* tertentu. Bagaimanapun mereka berbeza pendapat tentang ‘*ilat* yang sebenarnya khususnya kepada empat komoditi terakhir dalam hadith tersebut. Golongan al-Syafie berpendapat bahawa ‘*ilat* ialah makanan. Golongan Hanafi berpendapat ‘*ilatnya* ialah kerana barang – barang tersebut adalah barang timbangan dan sukatan , golongan Maliki berpendapat bahawa ‘*ilatnya* ialah berbentuk makanan asasi dan boleh disimpan (Mohd Daud, 2002). Kesemua pandangan ini dibuat berdasarkan *istiqra* yang dibuat merujuk kepada hadith tersebut di atas mengenai empat jenis iaitu kurma , gandum, barli dan garam.

Kedudukan *Al-Qiyas*

Menurut Jumhur ulama *al-qiyas* adalah hujah syar’iy ke atas hukum-hukum yang amali. Ia menepati martabat keempat di dalam susunan tertib dalil-dalil syar’iy . *Al-qiyas* digunakan setelah tiada *ijma’*, *al-quran* dan *al-sunnah*. Hukum yang diperolehi melalui *al-qiyas* ialah hukum syarak yang wajib diamalkan oleh kaum muslimin (O.K. Rahmat, 1988).

Penutup

Sesungguhnya setiap hukum –hakam di dalam syariat Islam mempunyai ‘*ilat*-‘*ilatnya* yang tersendiri. Semua hukum syariat tersebut dibangunkan di atas dasar dan ‘*ilat* serta keterangan, sama ada hukum tersebut berkaitan dengan ibadah, muamalah dan sebagainya. *Al-qiyas* juga mempunyai dasar bahawa semua hukum syar’iy memiliki ‘*ilat*-‘*ilatnya*, justeru penyamaaan di antara dua keadaan yang sama merupakan perkara yang diutamakan dan dibenarkan. Dalilnya Allah SWT telah menciptakan manusia dengan dasar tersebut, hal ini boleh dilihat di dalam firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr, 59: 2.

Maksudnya: Dia lah Yang telah mengeluarkan orang-orang kafir di antara ahli Kitab - dari kampung halaman mereka pada julung-julung kali mereka berhimpun hendak memerangi Rasulullah. kamu (Wahai umat Islam) tidak menyangka Bahawa mereka akan keluar (disebabkan bilangannya Yang ramai dan pertahanannya Yang kuat), dan mereka pula menyangka Bahawa benteng-benteng mereka akan dapat menahan serta memberi perlindungan kepada mereka (dari azab) Allah. maka Allah menimpakan (azabNya) kepada mereka dari arah Yang tidak terlintas Dalam fikiran mereka, serta dilemparkanNya perasaan cemas takut ke Dalam hati mereka, (Lalu) mereka membinaaskan rumah-rumah mereka

Dengan tangan mereka sendiri (dari dalam) sambil tangan orang-orang Yang beriman (yang mengepung mereka berbuat demikian dari luar). maka insaflah dan ambilah pelajaran (dari peristiwa itu) Wahai orang-orang Yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.

Ayat di atas jelas menerangkan bahawa pembalasan yang diberikan kepada orang-orang yang melakukan kemunkaran adalah penyiksaan daripada Allah SWT. Hukumnya adalah jelas seperti yang pernah dibinasakan Allah SWT kepada umat yang terdahulu, maka sesiapa yang melakukan kemunkaran balasannya adalah sama seperti mereka, begitulah adilnya Allah SWT kepada hambaNya. Jadi al-quran sebagai bukti kepada penyaksian kebenaran aturan menyamakan antara dua keadaan yang sama. Maka *al-qiyas* sebenarnya berprinsipkan kepada asas ini dengan menerapkannya di dalam pelbagai keadaan yang tidak disebutkan hukumnya dengan jelas di dalam nas, iaitu dengan menyamakan hukum sesuatu masalah dengan hukum yang lain selagi mana kedua-dua hukum tersebut mempunyai '*ilat*' yang sama.

Oleh itu, *al-Qiyas* merupakan sumber rujukan yang kukuh di dalam menetapkan sesuatu hukum di dalam Islam. Ianya mempunyai dasar yang cukup kuat sebagai sumber hukum. *Al-qiyas* juga mampu untuk menjawab segala bentuk persoalan yang mengikut perkembangan zaman yang belum pernah ditetapkan hukumnya melalui *al-quran*, *al-sunnah* dan *ijma'*.

Rujukan

- Al-Amidi, Abu Saif al-Din Ali bin Abi Ali Muhammad. (1980). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1324 H). *al-Mustasfa min Ilm al-Usul*. Kaherah: Matbaah al-Amiriyyah.
- Al-Marbauwi, Muhammad Idris Abd Rauf al-Marbauwi. (1990). *Kamus al-Marbauwi*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Al-Syafie, Muhammad Ibnu Idris. (1940). *Al-Risalah*. Tahqiq Ahmad Muhammad Shakir. Kaherah: Mustafa al-Babiy al-Halabi.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. (t.t). *Buku Himpunan Fatwa Negeri Kedah*. Alor Setar: Percetakan Siaran Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan, Edisi Ketiga. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Daud Bakar. (2000). *Perlaksanaan qiyas Dalam Faktor Semasa dan Setempat di Malaysia* dlm. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad. *Fiqh Malaysia: Ke arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Basmih, Sheikh Abdullah. (1983). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-quran*. Kuala Lumpur: BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri.
- Nurul Huda Muhammad Firdaus (2002). *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam: Satu Kajian Tentang Metodologi Syariah dan Pelaksanaannya*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- O.K. Rahmat. (1988). *Sumber dan Prinsip Hukum Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Zaydan, Abd Karim.(1994). *Al-Mufasal al-Ahkam al-Mar'ah Wa al-Bayt al-Muslim Fi al- Syari'ah al-Islamiyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zaydan, Abd Karim. (1987). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.